

14 JUL 2001

Mahathir-Likas

BERPAKAT HANYA SEMASA P/RAYA BURUKKAN PEMBANGKANG, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti-parti pembangkang tidak dapat mewujudkan hubungan baik sesama mereka kerana amalan "berkahwin untuk keselesaan" semasa pilihan raya dan berpisah selepas pilihan raya.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya kesepakatan antara parti-parti komponen Barisan Nasional adalah kekal dengan hanya satu perkahwinan dan tidak pernah bercerai.

"Pembangkang tak ada kesepakatan, pembangkang ada perkahwinan untuk keselesaan bila dekat pilihan raya, lepas tu cerai untuk keselesaan selepas pilihan raya, lepas itu kahwin sekali lagi.

"Jadi bila kita kahwin kita bercerai, kita kahwin kita bercerai maka perhubungan memang tak baiklah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi ketiga majlis dialog Belanjawan 2002 di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional diminta mengulas mengenai kegagalan pembangkang mencapai kesepakatan bagi meletakkan calon dalam pilihan raya kecil kawasan Likas yang dijadualkan pada 21 Julai ini.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan pertandingan empat penjur, calon BN Datuk Yong Teck Lee ditentang oleh Dr Chong Eng Leong dari Parti Bersatu Sabah (PBS), calon wanita Liew Chin Jin dari Parti Keadilan Nasional dan calon bebas Kong Yun Chee.

Pembangkang sebelum ini cuba mencapai kesepakatan untuk meletakkan satu calon sahaja menentang BN pada pilihan raya kecil itu.

Antara pemimpin pembangkang yang menyuarakan kekecewaan dengan pertandingan empat penjur itu ialah Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang dilaporkan berkata bahawa senario politik dalam pilihan raya kecil itu tidak membayangkan kesungguhan parti pembangkang untuk mengalahkan calon BN.

Pilihan raya kecil itu diadakan setelah Mahkamah Pilihan raya memutuskan bahawa pilihan raya Likas pada tahun 1999 tidak sah dan batal antara lain kerana terdapat pengundi hantu dalam daftar pemilih yang digunakan.

Dr Mahathir berkata, BN masih mengharapkan kemenangan di Likas kerana kemenangannya dalam pilihan raya negeri pada 1999 bukan kerana faktor pengundi hantu.

"Kita menang dulupun bukan kerana pengundi hantu, kalau ada pengundi hantupun, tak sebanyak kemenangan kita. Sebab itu kita masih harap kita boleh menang," katanya.

-- BERNAMA

AFY AKT RI